



UNSUR-UNSUR PSIKOLOGI DAN MAKNA DALAM PUISI “KUIINGIN BERTERIMA KASIH” BERDASARKAN TEORI HIERARKI KEPERLUAN MASLOW

*Psychological Unsurts and Meaning in the Poem “Kuingin Berterima Kasih” Based on
Maslow's Hierarchy of Needs Theory*

^{1*}MASHOR AWANG LONG

²ASMIATY AMAT

³SIM CHEE CHEANG

⁴FATIN NAJLA OMAR

^{1,3&4} Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota
Kinabalu, Sabah

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

*Corresponding author: mashorawanglong@ums.edu.my

Dihantar/Received: 28 Julai 2025 / Penambahbaikan/Revised: 21 August 2025

Diterima/Accepted: 27 August 2025 / Terbit/Published: 19 December 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v36i2.7090>

Abstrak Kajian ini menganalisis unsur-unsur psikologi yang terkandung dalam puisi moden KOMSAS dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks. Fokus kajian tertumpu kepada sebuah puisi moden bertajuk *Kuingin Berterima Kasih*, yang dimuatkan dalam “*Antologi Kuingin Berterima Kasih*”. Persoalan kajian timbul apabila karya sastera khususnya puisi moden KOMSAS sering dianalisis dari sudut tema, gaya bahasa, dan nilai moral, namun kurang diberi perhatian dari perspektif psikologi yang dapat membuka ruang pemahaman lebih mendalam terhadap pengalaman kemanusiaan yang ditampilkan oleh pengarang. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menghuraikan, dan menilai unsur-unsur psikologi yang terdapat dalam puisi tersebut berdasarkan Hierarki Keperluan Manusia Maslow, khususnya dua tahap asas iaitu keperluan fisiologi dan keperluan keselamatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur psikologi yang ditampilkan dalam puisi ini memainkan peranan yang signifikan dalam membantu pembaca memahami makna tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarang. Implikasi kajian ini menegaskan bahawa penggunaan pendekatan psikologi dalam analisis sastera bukan sahaja dapat memperkayakan apresiasi terhadap karya sastera, malah dapat memperluas pemahaman pembaca terhadap nilai-nilai kemanusiaan yang diketengahkan.

Kata Kunci: Keperluan Fisiologi, Keperluan Keselamatan, KOMSAS, Puisi moden, Psikologi, Maslow

Abstract This study analyzes the psychological unsurts embedded in modern KOMSAS poetry using a qualitative approach through textual analysis. The focus of the study is on a modern poem entitled “Kuingin Berterima Kasih”, published in the anthology *Kuingin Berterima Kasih*. The research problem arises from the fact that literary works, particularly modern KOMSAS poems, are often analyzed in terms of theme, language style, and moral values, yet they receive less attention from a psychological perspective, which can provide a deeper understanding of the human experiences portrayed by the author. Therefore, the objective of



this study is to identify, describe, and evaluate the psychological unsurts contained in the poem based on Maslow's Hierarchy of Human Needs, specifically the two basic levels, namely physiological needs and safety needs. The findings indicate that the psychological unsurts presented in the poem play a significant role in helping readers comprehend the implicit meanings intended by the poet. The implication of this study highlights that applying a psychological approach in literary analysis not only enriches the appreciation of literary works but also broadens readers' understanding of the humanitarian values emphasized in the text.

Keywords: *Physiological Needs, Safety needs, KOMSAS, Modern Poetry, Psychology, Maslow*

PENDAHULUAN

Di Malaysia, Komponen Sastera (KOMSAS) merupakan unsur sastera yang paling dominan dalam kalangan remaja, memandangkan ia merupakan modul wajib dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. KOMSAS telah diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia pada bulan Mac 2000 untuk dilaksanakan kepada pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di semua sekolah menengah. Antara kajian awal yang meneliti peranan sastera dalam mempengaruhi aspek psikologi ialah karya Lazar (2002) melalui bukunya *Literature and Language: Teaching, Answer Guide for Teachers and Trainers*. Dalam karya tersebut, beliau menggariskan beberapa manfaat utama pembelajaran sastera, antaranya: (i) memotivasikan pelajar, (ii) memberikan kefahaman terhadap latar belakang budaya, (iii) menyumbang kepada pemerolehan bahasa, (iv) memperluas kesedaran pelajar terhadap bahasa, (v) mengasah kemahiran interpretatif, dan (vi) mendidik pelajar secara menyeluruh.

Dalam konteks pendidikan sastera, penerapan unsur psikologi dalam karya KOMSAS memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan emosi, sahsiah dan pemikiran remaja (Rahimah A. Hamid, 2016; Noor Ain Ramli, 2018). Unsur-unsur ini berupaya membantu pelajar memahami konflik dalaman, emosi, dan keperluan manusia seperti yang digariskan dalam teori hierarki keperluan Maslow. Melalui pembacaan dan apresiasi karya yang sarat dengan nilai psikologi, remaja dapat membina kesedaran sendiri, empati terhadap orang lain, serta mengurus emosi dan tekanan secara lebih matang (Golema, 1995). Sehubungan itu, apresiasi terhadap karya sastera bukan sahaja memperkukuh kemahiran bahasa dan pemikiran kritis, malah turut menjadi medium yang efektif dalam menyokong kesejahteraan psikologi dan perkembangan holistik pelajar (Hashim Awang, 2009).

Kajian ini bertujuan untuk memahami unsur-unsur psikologi dalam puisi bukan sahaja dapat memperkayakan makna sesebuah karya sastera, malah juga berfungsi sebagai medium untuk ekspresi emosi dan pemahaman sendiri dalam kalangan pembaca. Psikologi merupakan satu bidang ilmu yang bertujuan untuk memahami tingkah laku manusia, menghuraikan atau menerangkan tindakan manusia, membantu dan meramalkan perlakuan, mengawal tingkah laku serta akhirnya membentuk dan mempengaruhi corak tingkah laku manusia (Mohd Salleh Lebar, 1994:3–4). Puisi moden dalam KOMSAS menonjolkan pelbagai aspek positif menerusi maksud, tema, nada, nilai dan pengajaran yang disampaikan. Karya-karya ini memberikan panduan dan didikan moral yang secara tidak langsung berperanan sebagai medium untuk memberi inspirasi dan dorongan kepada pembaca, khususnya golongan remaja, agar berusaha mencapai matlamat hidup mereka.



Menurut Arba'ei Sujud (2011:139), sastra bukan sekadar bentuk penulisan yang tidak mempunyai arah, sebaliknya memainkan peranan yang signifikan dalam pembentukan sahsiah individu. Pemilihan kata-kata yang berkesan dalam puisi juga mampu merangsang psikologi pembaca. Maisarah Yaacob (2014) menyatakan bahawa karya sastra yang berkualiti tinggi berpotensi untuk mendidik pembaca dan seterusnya melahirkan khalayak yang berfikir matang dan seimbang dari segi emosi serta sahsiah. Proses pendidikan yang berkesan melalui sastra dapat mendorong pelajar untuk merenung nilai-nilai kebaikan, keluhuran akhlak, kesopanan, kebenaran, keindahan seni bahasa, ketahanan diri serta penghargaan terhadap kehidupan dan nilai-nilai kemanusiaan.

Permasalahan Kajian

Sastra sering dilihat sekadar sebagai mata pelajaran pelengkap yang bersifat hafalan dan estetika, bukan sebagai medium yang berpengaruh dalam pembentukan sahsiah dan pembangunan emosi pelajar (Hashim Awang, 2009). Persepsi ini secara tidak langsung meletakkan sastra di pinggir sistem pendidikan, khususnya dalam kalangan remaja yang lebih terdedah kepada dunia digital dan kandungan visual. Pandangan ini bukan sahaja tidak adil, malah bercanggah dengan kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan betapa sastra mampu memberikan impak yang besar terhadap perkembangan psikologi dan sosial pelajar.

Kajian Noor Ain Ramli (2018) yang bertajuk "*Pendidikan Sastra Melayu Memperkukuhkan Pembinaan Karakter Pelajar*" secara jelas menyangkal tanggapan ini. Dalam kajiannya, Noor Ain menegaskan bahawa sastra bukan sahaja mencerminkan budaya dan masyarakat, malah berperanan sebagai medium pendidikan nilai dan kemanusiaan. Karya-karya sastra Melayu, khususnya puisi dan cerpen, membawa naratif tentang perjuangan, pengorbanan, kasih sayang, konflik batin dan nilai-nilai moral yang amat penting untuk dihayati oleh remaja. Melalui pembacaan dan apresiasi sastra, pelajar dapat memahami situasi kehidupan sebenar, membuat refleksi diri, dan membina empati terhadap watak serta situasi yang dipaparkan. Sastra dengan itu bertindak sebagai cermin jiwa dan wadah pembangunan karakter yang berkesan.

Tambahan pula, dalam konteks pendidikan remaja, penting untuk kita menyedari bahawa jiwa remaja sedang melalui proses pencarian identiti, kestabilan emosi, dan pembentukan prinsip moral. Dalam fasa ini, bimbingan tidak boleh datang dalam bentuk autoritarian semata-mata, sebaliknya perlu bersifat halus, menyentuh emosi dan memupuk kesedaran diri secara perlahan. Inilah peranan yang boleh dimainkan oleh sastra. Menurut Geri Giebel Chavis (2011) dalam bukunya *Poetry and Story Therapy: The Healing Power of Creative Expression*, kata-kata memiliki kekuatan simbolik dan emosi yang mampu memberi kesan mendalam terhadap pembaca. Beliau menjelaskan bahawa puisi dan cerita boleh berfungsi sebagai alat terapi dan pembangunan diri, kerana ia mampu menggambarkan konflik dalaman dan luaran secara simbolik, sekali gus memberi ruang kepada pembaca untuk memahami dan menguruskan emosi mereka sendiri.

Chavis mengemukakan tiga komponen utama dalam pendekatan terapi melalui puisi: pertama, meneroka puisi sebagai pengalaman peribadi yang menggambarkan konflik atau harapan individu; kedua, menggunakan cerita atau naratif sebagai alat komunikasi emosi dan pembinaan hubungan; dan ketiga, mengaplikasikan pelbagai teknik seperti dialog dalaman, simbolisme dan penulisan ekspresif untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam terhadap diri sendiri. Pendekatan ini sangat berkesan jika digunakan dalam konteks



pendidikan, khususnya dalam bilik darjah sastra, di mana pelajar bukan sahaja membaca untuk faham jalan cerita, tetapi membaca untuk memahami diri mereka sendiri.

Oleh itu, penolakan terhadap sastra sebagai subjek pembangunan diri adalah satu kerugian besar dalam pendidikan moden. Dalam dunia yang semakin kompleks dan mencabar, remaja menghadapi pelbagai tekanan emosi dan sosial seperti buli siber, kecelaruan identiti, masalah keluarga dan tekanan akademik. Sastra, khususnya puisi moden, dapat berperanan sebagai ruang ekspresi dan refleksi yang membantu mereka menangani tekanan ini secara sihat. Puisi yang ditulis atau dibaca bukan sahaja menyampaikan keindahan bahasa, tetapi membawa mesej yang mendalam dan menyentuh jiwa iaitu ia membina kesedaran, menguatkan empati, dan merangsang pemikiran kritis.

Sehubungan itu, satu eksplorasi baharu terhadap pendekatan dalam pengajaran dan pemahaman sastra remaja perlu dilaksanakan. Karya-karya sastra wajar dianalisis bukan sekadar dari segi gaya bahasa atau unsur sastra semata-mata, tetapi dari sudut psikologi dan emosi yang terkandung di dalamnya. Penggunaan teori psikologi seperti teori pembangunan Erik Erikson, teori emosi Daniel Goleman atau pendekatan psikoterapi Chavis boleh membantu pelajar memahami nilai-nilai yang tersembunyi dalam puisi. Ini seterusnya akan meningkatkan keterlibatan pelajar dengan teks, dan menghidupkan kembali fungsi sastra sebagai alat pendidikan yang menyeluruh.

SOROTAN LITERATUR

Noor Ain Ramli (2018), dalam kajiannya yang bertajuk “Pendidikan Sastra Melayu Memperkukuhkan Pembinaan Karakter Pelajar”, menekankan peranan penting sastra sebagai cerminan masyarakat dan budaya. Menurut beliau, pendedahan terhadap karya sastra, khususnya dalam kalangan remaja, dapat memperkukuhkan pemahaman terhadap tingkah laku manusia serta nilai-nilai kemanusiaan. Kajian tersebut turut menggariskan bahawa apresiasi sastra Melayu bukan sahaja membantu membentuk kepekaan emosi dan moral pelajar, malah berperanan dalam membina karakter dan jati diri yang utuh. Hal ini menunjukkan bahawa sastra bukan sekadar medium estetik, tetapi juga berfungsi sebagai alat pendidikan yang signifikan dalam membentuk insan yang seimbang dari segi intelek dan rohani. Dapatan ini memberikan dimensi yang lebih luas kepada kajian ini, yang menumpukan kepada penerapan unsur psikologi dalam puisi KOMSAS. Walaupun pendekatan kajian ini lebih tertumpu kepada aspek psikologi menerusi teori hierarki keperluan Maslow, pandangan Noor Ain Ramli menyokong kepentingan memahami sastra secara mendalam untuk pembangunan sahsiah dan kemanusiaan pelajar.

Seterusnya, Geri Giebel Chavis (2011:11–12), dalam bukunya *Poetry and Story Therapy: The Healing Power of Creative Expression*, menekankan bahawa kata-kata mempunyai kuasa simbolik yang mampu membentuk imej mental yang mendalam dalam minda pembaca. Menurut beliau, ekspresi kreatif melalui puisi dan naratif bukan sahaja berfungsi sebagai saluran emosi, malah turut menjadi alat terapeutik yang berkesan dalam pembangunan emosi dan peribadi individu. Dalam konteks perkembangan remaja, pendekatan ini membuka ruang kepada pembentukan sahsiah yang positif melalui pengalaman imaginatif dan reflektif yang ditawarkan oleh teks sastra. Chavis berpendapat bahawa sastra khususnya puisi mampu mendidik remaja secara halus dan memberi peluang kepada mereka untuk menilai serta memperbaiki nilai-nilai diri. Oleh itu, pendedahan kepada puisi yang sarat dengan mesej kemanusiaan dan emosi dapat memupuk jiwa remaja agar menyerap unsur positif yang diperlukan dalam pembentukan karakter dan kepekaan sosial.



Dapatan ini bersesuaian dengan objektif kajian ini yang menilai unsur psikologi dalam puisi KOMSAS sebagai medium pembinaan jiwa dan pemikiran generasi muda.

Chavis (2011) mengetengahkan tiga komponen utama dalam memahami puisi secara mendalam: (i) penerokaan puisi, (ii) perbincangan cerita sebagai rangsangan perkembangan diri dan hubungan, dan (iii) penggunaan pelbagai pendekatan serta alat bantu. Beliau menekankan bahawa puisi berupaya membantu pembaca memahami makna tersirat dan membina kepekaan emosi. Oleh itu, pendekatan baharu perlu diteroka agar apresiasi sastra terus relevan dengan keperluan semasa dan mampu menyumbang kepada pembinaan sendiri pembaca. Dalam kajian oleh Chavis (2011) yang mengaplikasikan pendekatan *Poetry and Story Therapy*, didapati bahawa puisi mempunyai keupayaan untuk membantu individu menyalurkan emosi dan menyelesaikan konflik dalaman. Pendekatan ini sangat berkesan untuk remaja yang sedang mengalami fasa perkembangan identiti. Terapi melalui puisi dilihat selari dengan pandangan Maslow yang menyatakan bahawa pengaktualan sendiri melibatkan proses memahami dan menerima diri sendiri secara mendalam, serta pencarian makna dalam kehidupan. Karya sastra yang menampilkan dilema moral, tekanan jiwa dan pencarian jati diri secara tidak langsung memenuhi keperluan emosi pelajar, membolehkan mereka membentuk kepekaan psikologi yang lebih tinggi.

Teori Hierarki Keperluan yang dikemukakan oleh Abraham Maslow (1943, 1970) merupakan salah satu teori motivasi yang paling berpengaruh dalam bidang psikologi dan pendidikan. Keperluan manusia terbahagi kepada lima tahap hierarki, iaitu keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang dan rasa dimiliki, penghargaan diri, dan akhirnya pengaktualan sendiri. Asas utama teori ini menyatakan bahawa keperluan asas seperti makanan, keselamatan, dan rasa memiliki perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang terdorong untuk memenuhi keperluan yang lebih tinggi, seperti penghargaan dan pengaktualan potensi diri. Wilson dan Yarhouse (2004) menekankan bahawa persekitaran emosi yang selamat dan perasaan diterima dalam kalangan rakan sebaya memainkan peranan besar dalam memastikan pelajar dapat mencapai tahap pembelajaran yang optimum. Oleh itu, pemenuhan keperluan asas pelajar menjadi syarat penting sebelum perkembangan akademik dan psikososial dapat berlaku secara menyeluruh.

Dalam konteks pendidikan sastra, teori Maslow telah digunakan untuk menyokong pendekatan pembelajaran yang menekankan kesejahteraan emosi dan psikologi pelajar. Huitt (2007) berpendapat bahawa pengaktualan sendiri boleh dicapai dalam kalangan pelajar apabila mereka diberi ruang untuk mengekspresikan pandangan, menghargai potensi diri, dan terlibat dalam kegiatan kreatif seperti penulisan puisi, drama, dan penceritaan. Dalam hal ini, karya sastra bukan sekadar menjadi bahan bacaan, tetapi berperanan sebagai medium pembangunan sendiri, tempat pelajar membina identiti, menghadapi konflik emosi, dan menyuarakan pengalaman peribadi mereka. Pengajaran sastra yang bersifat reflektif dan interaktif memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan potensi intelektual dan emosi mereka secara seimbang. Tambahan pula, walaupun terdapat kritikan terhadap kekakuan struktur hierarki Maslow, nilai asas teori ini masih diterima secara meluas kerana keupayaannya untuk menjelaskan motivasi manusia dengan cara yang mudah difahami dan bersifat menyeluruh. Dalam konteks pembelajaran, guru dan kaunselor boleh menggunakan kerangka ini sebagai panduan untuk merancang intervensi yang lebih menyentuh aspek perkembangan menyeluruh pelajar, termasuk kesejahteraan fizikal, emosi, sosial dan intelektual.



METODOLOGI

Kajian ini bersifat tekstual dan menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis puisi-puisi terpilih daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, yang merupakan komponen KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu bagi pelajar Tingkatan 1 di sekolah menengah Malaysia. Kajian ini memberi tumpuan kepada sebuah puisi moden KOMSAS yang bertajuk *Kuingin Berterima Kasih*. Unsur teori hierarki keperluan Maslow digunakan sebagai asas teori bagi meneroka dimensi psikologi yang disampaikan melalui karya sastera ini. Unsur-unsur sastera seperti tema, makna, daya tarikan (keindahan), nada, nilai, dan pengajaran moral digunakan sebagai pemboleh ubah analisis untuk mentafsir keperluan manusia digambarkan dalam puisi-puisi terpilih. Seterusnya, puisi-puisi terpilih dianalisis menggunakan pendekatan teori keperluan oleh Abraham H. Maslow (1970). Kajian ini hanya memfokuskan unsur-unsur dari teori keperluan Maslow. Keperluan yang difokuskan dalam kajian ini adalah keperluan fisiologi dan keperluan keselamatan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu; (a) analisis unsur keperluan fisiologi dan (b) analisis unsur keperluan keselamatan dalam puisi moden *Kuingin Berterima Kasih*.

Analisis Unsur Keperluan Fisiologi dalam Puisi *Kuingin Berterima Kasih*

Puisi *Kuingin Berterima Kasih* menggambarkan pelbagai aspek kehidupan yang membangkitkan rasa syukur dan penghargaan terhadap anugerah Tuhan dan alam semula jadi. Salah satu unsur yang paling menonjol dan signifikan dalam puisi ini ialah keperluan fisiologi, iaitu keperluan asas manusia yang berkaitan dengan kelangsungan hidup seperti makanan, minuman, tempat tinggal, dan kesihatan tubuh badan. Unsur ini dapat dikenal pasti dengan jelas melalui gambaran puitis terhadap kesuburan tanah, kekayaan hasil laut, dan kelimpahan rezeki yang diperoleh daripada alam sekitar dan ianya menjadi manifestasi kepada pemenuhan keperluan jasmani masyarakat.

*Sesekali kuingin menyemai budi,
kepadamu tanah yang hidup,
kerana perutmu setia menghamilkan,
rezeki buat petani.*

(Dipetik dari puisi *Kuingin Berterima Kasih*, rangkap 2)

*Sesekali kuingin berbisik kepadamu,
ikan-ikan yang riang,
liar di belantara samudera,
kerana sudi membebaskan derita,
nelayan tua di pondoknya.*

(Dipetik dari puisi *Kuingin Berterima Kasih*, rangkap 3)



Dalam rangkap kedua dan ketiga puisi ini, penutur menzahirkan rasa terima kasih terhadap sumber alam seperti “tanah yang subur”, “sawah yang menghijau”, “laut yang murah hati”, dan “hujan yang membawa rezeki”. Setiap unsur alam ini melambangkan punca-punca rezeki yang menyediakan keperluan asas kepada kehidupan masyarakat, terutamanya dalam konteks masyarakat agraria dan maritim. Simbolisme ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa tanpa pemenuhan terhadap aspek pemakanan, air bersih, dan sumber tenaga daripada alam, manusia tidak akan mampu meneruskan kehidupan secara sempurna.

Menurut Abraham Maslow (1970), dalam teori Hierarki Keperluannya yang terkenal, keperluan fisiologi merupakan tahap pertama dan paling asas dalam lima tingkat keperluan manusia. Keperluan ini merangkumi makanan, air, udara, tempat perlindungan, tidur, dan kesihatan tubuh badan. Maslow menekankan bahawa jika keperluan fisiologi ini tidak dipenuhi, maka manusia tidak akan mampu memikirkan keperluan-keperluan yang lebih tinggi seperti keselamatan, kasih sayang, penghargaan, apatah lagi aktualisasi sendiri. Dalam konteks ini, penghargaan yang dizahirkan oleh penyair terhadap sumber rezeki alam mencerminkan kesedaran bahawa asas kesejahteraan hidup bermula daripada kecukupan fizikal dan biologi. Lebih daripada itu, penyair tidak hanya menghargai pemberian alam secara literal, tetapi turut menyuntikkan makna yang lebih mendalam mengenai hubungan spiritual antara manusia dan pencipta. Rasa syukur terhadap makanan dan hasil bumi tidak disampaikan secara terus terang, sebaliknya diolah secara simbolik dengan bahasa puitis yang kaya dan menyentuh emosi. Hal ini menonjolkan bahawa keperluan fisiologi dalam puisi ini tidak hanya bersifat fizikal, tetapi merangkumi dimensi spiritual dan emosional yang menghubungkan manusia dengan sumber kehidupannya. Dalam hal ini, Maslow (1968) juga pernah mengembangkan modelnya dengan menyatakan bahawa individu yang telah mencapai pemenuhan keperluan asas secara konsisten akan mula mengaitkan pengalaman hidupnya dengan nilai-nilai rohani dan kesedaran transendental.

Unsur keperluan fisiologi dalam puisi ini juga dapat dikaitkan dengan nilai budaya masyarakat setempat. Tanah dan laut dalam banyak budaya tradisional, termasuk budaya Melayu, dianggap sebagai lambang keberkatan dan sumber kehidupan. Maka, puisi ini tidak sekadar berbicara tentang pemenuhan jasmani, tetapi juga memperlihatkan penghargaan kolektif masyarakat terhadap sumber alam sebagai warisan nenek moyang yang wajib dijaga. Oleh itu, puisi ini secara tidak langsung mengangkat kesedaran ekologi iaitu satu kesedaran bahawa pemenuhan keperluan asas bergantung sepenuhnya kepada keharmonian antara manusia dengan alam.

Dari sudut psikologi pendidikan pula, pemenuhan keperluan fisiologi merupakan prasyarat utama sebelum pelajar mampu mencapai tahap pembelajaran yang optimum. Jika seseorang remaja atau pelajar hidup dalam keadaan kekurangan makanan, keletihan fizikal, atau tidak mendapat penjagaan kesihatan yang baik, mereka akan mengalami kesukaran untuk fokus dalam proses pembelajaran dan pengembangan diri. Maka, puisi ini juga boleh ditafsirkan sebagai satu peringatan halus tentang pentingnya menjamin keperluan asas setiap individu, khususnya generasi muda, agar mereka dapat berkembang dalam suasana yang seimbang secara fizikal, mental dan emosi.

Tambahan pula, unsur ini berperanan dalam memupuk rasa empati dan kesedaran sosial terhadap mereka yang hidup dalam kekurangan. Dengan menyedari betapa berharganya setiap anugerah kecil daripada alam, pembaca dapat melihat bahawa keperluan fisiologi bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan. Dalam konteks puisi ini, rasa syukur



menjadi penawar kepada ketamakan dan kelalaian manusia terhadap sumber alam yang kian terancam. Ia juga menyuntik semangat kolektif untuk menjaga dan menghargai pemberian alam demi kesejahteraan generasi akan datang.

*Sesekali kuingin menyemai budi,
kepadamu tanah yang hidup,
kerana perutmu setia menghamilkan,
rezeki buat petani.*

(Dipetik dari puisi *Kuingin Berterima Kasih*, rangkap 2)

*Sesekali kuingin berbisik kepadamu,
ikan-ikan yang riang,
liar di belantara samudera,
kerana sudi membebaskan derita,
nelayan tua di pondoknya.*

(Dipetik dari puisi *Kuingin Berterima Kasih*, rangkap 3)

Rangkap-rangkap dalam puisi *Kuingin Berterima Kasih* secara langsung berkait rapat dengan keperluan fisiologi, khususnya keperluan terhadap makanan dan minuman yang mencukupi dan berkualiti. Tema utama puisi ini ialah rasa syukur dan penghargaan terhadap kurniaan Tuhan, sebagaimana yang diluahkan berulang kali oleh penulis melalui ungkapan terima kasih kepada unsur-unsur alam seperti tanah, hujan, hidupan laut, dan juga kepada para pejuang yang telah berjasa.

Penghargaan terhadap sumber alam yang menyediakan keperluan asas manusia, terutamanya makanan dan minuman, ditonjolkan secara jelas dalam rangkap kedua dan ketiga puisi ini. Unsur ini selaras dengan keperluan asas dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow (1970), yang meletakkan keperluan fisiologi sebagai asas utama dalam kelangsungan hidup manusia. Jika keperluan asas tidak dipenuhi, ia akan memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan fizikal dan kesihatan individu. Di samping itu, puisi ini turut menyampaikan mesej moral yang mendalam kepada pembaca, khususnya golongan remaja, iaitu pentingnya untuk bersyukur atas segala nikmat yang dinikmati pada masa kini. Penulis menggunakan pendekatan yang bersifat reflektif dan mendidik dalam menyampaikan nilai-nilai kesyukuran dan penghargaan terhadap alam serta jasa manusia terdahulu.

Dalam rangkap kedua puisi ini, penulis menzahirkan rasa terima kasih kepada tanah yang subur kerana menjadi sumber rezeki dan pendapatan utama kepada para petani. Penghargaan ini bukan sahaja mencerminkan kesedaran terhadap kepentingan alam semula jadi, malah turut membawa mesej bahawa usaha gigih amat diperlukan bagi memperoleh bekalan makanan yang mencukupi untuk kelangsungan hidup. Rangkap ini mengandungi nilai kerja keras dan ketekunan dalam memenuhi keperluan asas manusia seperti yang digariskan dalam tahap pertama Teori Hierarki Keperluan Maslow, iaitu keperluan fisiologi.

Dalam rangkap ketiga puisi ini, penulis meluahkan rasa penghargaan yang mendalam terhadap hidupan laut yang telah menjadi sumber rezeki kepada golongan nelayan, khususnya nelayan tua. Keberadaan sumber laut bukan sahaja memberikan kegembiraan, malah turut meringankan penderitaan hidup yang ditanggung oleh mereka. Melalui rangkap ini, penulis menegaskan bahawa selain daratan yang berfungsi sebagai kawasan pertanian, lautan juga



memainkan peranan penting sebagai sumber alam yang harus disyukuri, memandangkan kekayaannya dalam menyediakan hasil laut yang menyumbang kepada kelangsungan hidup. Baris ketiga dalam rangkap ini juga memperlihatkan gambaran tentang kehidupan seorang nelayan tua yang gigih berusaha demi meneruskan kelangsungan hidup, dengan turun ke laut bagi mendapatkan hasil tangkapan sebagai bekalan makanan harian. Hal ini selari dengan keperluan fisiologi seperti yang diuraikan dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow (1970), di mana makanan merupakan unsur asas yang perlu dipenuhi sebelum individu mampu mencapai keperluan yang lebih tinggi dalam hierarki tersebut.

Analisis Unsur Keperluan Keselamatan dalam Puisi Kuingin Berterima Kasih

Unsur keperluan keselamatan merupakan antara aspek penting yang diungkap secara simbolik dalam puisi *Kuingin Berterima Kasih*. Dalam puisi ini, unsur keselamatan dizahirkan melalui penghargaan penutur terhadap fenomena alam semula jadi, khususnya turunnya hujan yang membawa kesejukan dan ketenteraman kepada kehidupan manusia. Hujan bukan sahaja digambarkan sebagai anugerah fizikal yang menyuburkan bumi, tetapi juga sebagai lambang ketenangan jiwa yang mendalam. Penggambaran ini memberikan isyarat bahawa keselamatan bukan hanya dalam bentuk perlindungan fizikal, tetapi juga dalam bentuk kestabilan emosi dan mental yang amat diperlukan oleh manusia.

Menurut Abraham Maslow dalam kerangka Teori Hierarki Keperluannya (1970), keperluan keselamatan berada pada tahap kedua selepas keperluan fisiologi. Keperluan ini merangkumi rasa selamat dari segi fizikal, psikologi, emosi, dan kestabilan dalam persekitaran hidup. Maslow menyatakan bahawa manusia memerlukan persekitaran yang bebas daripada ancaman, kegelisahan dan bahaya bagi membolehkan mereka meneruskan kehidupan dengan tenang. Jika keperluan ini terganggu sama ada melalui ketakutan, kebimbangan, tekanan atau rasa tidak selamat, maka individu tidak akan dapat berfungsi secara optimum dalam aspek kehidupan yang lain.

Hujan yang digambarkan dalam puisi ini sebagai satu bentuk anugerah alam membawa lebih daripada sekadar fungsi biologi. Ia berperanan sebagai metafora kepada kesejahteraan emosi yang membantu menyeimbangkan tekanan dalaman penutur. Penulis meluahkan rasa syukur kerana hujan telah memberikan bukan sahaja kesuburan kepada bumi, tetapi juga ketenangan jiwa. Ketenangan ini melambangkan keadaan psikologi yang stabil, di mana jiwa yang bergelora dapat ditenangkan oleh kehadiran unsur semula jadi yang menyegarkan dan menenangkan. Hujan menjadi simbol kepada pemulihan, kesejukan batin, dan proses penyembuhan emosi secara perlahan.

Puisi ini juga memperlihatkan bahawa unsur keperluan keselamatan tidak semestinya bersifat fizikal semata-mata, tetapi boleh difahami melalui dimensi psikologi yang lebih mendalam. Misalnya, ketenangan jiwa yang terhasil daripada hubungan manusia dengan alam seperti hujan, angin, dan langit yang mendung berperanan sebagai terapi semula jadi yang mampu meredakan tekanan perasaan, mengawal kemarahan, dan menyusun semula kestabilan minda. Ini sejajar dengan pandangan Chavis (2011) yang menyatakan bahawa unsur semula jadi dalam puisi sering berfungsi sebagai medium simbolik untuk menyalurkan konflik emosi dan mewujudkan keseimbangan dalaman.

Tambahan pula, dalam konteks kehidupan moden yang serba pantas dan penuh tekanan, unsur keselamatan emosi menjadi semakin penting. Remaja, sebagai golongan yang sedang membentuk identiti diri, memerlukan ruang untuk menenangkan fikiran dan mengatur perasaan. Melalui penghayatan puisi seperti *Kuingin Berterima Kasih*, pembaca diajak untuk



menyelami ketenangan yang ditawarkan oleh alam, sekali gus merangsang mekanisme pemulihan dalaman. Dalam hal ini, puisi tersebut bukan sahaja menjadi cerminan pengalaman individu, tetapi juga berperanan sebagai wahana terapi emosi yang membina ruang perlindungan psikologi yang selamat bagi pembacanya.

Keseimbangan ini amat penting kerana apabila emosi seseorang berada dalam keadaan stabil, maka keupayaan kognitif, daya tahan serta kawalan tingkah laku juga akan berada pada tahap optimum. Sebaliknya, jika keperluan keselamatan ini diabaikan, seseorang individu akan mudah dilanda tekanan, kebimbangan berlebihan dan konflik dalaman yang berpanjangan. Maka, puisi ini secara tidak langsung mengangkat hujan sebagai medium menenangkan dan menyembuhkan sekaligus memenuhi dimensi keperluan keselamatan seperti yang diuraikan oleh Maslow.

Selain itu, puisi ini turut mengandungi unsur simbolik yang menunjukkan penyesuaian emosi manusia dengan persekitaran. Apabila penutur mampu meredakan kemarahan melalui pemerhatian terhadap turunnya hujan, ia memberi gambaran bahawa persekitaran semula jadi mempunyai peranan penting dalam menyumbang kepada rasa selamat dan tenteram. Hal ini menunjukkan hubungan yang mendalam antara manusia dengan alam bahawa ketenteraman bukan hanya datang daripada faktor dalaman, tetapi juga dipengaruhi oleh hubungan luar yang harmoni dan bersifat menenangkan.

Secara keseluruhan, unsur keperluan keselamatan dalam puisi *Kuingin Berterima Kasih* telah diungkapkan melalui simbolisme hujan sebagai lambang ketenangan dan keseimbangan emosi. Gambaran ini bukan sahaja menyokong hierarki Maslow pada tahap kedua, malah memperkaya pemahaman pembaca terhadap unsur keselamatan boleh dipenuhi melalui pendekatan spiritual dan kepekaan terhadap persekitaran. Puisi ini mengajarkan bahawa ketenangan bukan sesuatu yang datang dari luar semata-mata, tetapi boleh dibina melalui penghargaan terhadap alam dan pemikiran reflektif yang mendalam. Dalam konteks kehidupan moden dan pendidikan remaja, unsur ini amat penting dalam membina kesejahteraan mental yang stabil dan berdaya tahan.

*Sesekali Kuingin Berterima Kasih,
kepadamu hujan bagai tetamu,
jiwa pun menjadi dingin,
api amarah pun terpadam.*

(Dipetik dari Puisi *Kuingin Berterima Kasih*, rangkap 1)

Puisi *Kuingin Berterima Kasih*, keperluan keselamatan dari aspek emosi dipaparkan secara halus namun signifikan melalui penggambaran hubungan spiritual dan psikologikal manusia dengan alam semula jadi. Fenomena hujan yang disentuh dalam puisi ini bukan sekadar simbol gejala cuaca, sebaliknya membawa makna yang mendalam berkaitan kesejahteraan emosi dan ketenteraman jiwa. Penulis menyeru pembaca agar menghargai turunnya hujan yang bukan sahaja berperanan dalam menyuburkan bumi, tetapi juga membantu meredakan kegelisahan dan tekanan dalam diri manusia. Kedinginan yang dibawa oleh hujan ditafsirkan sebagai lambang kepada ketenangan batin dan kestabilan mental, sekali gus menunjukkan peranan penting alam dalam menyeimbangkan emosi manusia yang sering kali berhadapan dengan tekanan kehidupan.



Dari aspek psikologi, emosi seperti marah merupakan tindak balas semula jadi apabila seseorang individu merasa terancam, tidak dihargai, atau apabila batas emosi dan peribadinya dicerobohi. Emosi ini sering dikaitkan dengan mekanisme mempertahankan diri terhadap tekanan persekitaran. Namun begitu, puisi ini menampilkan pendekatan yang lebih reflektif dan terapeutik, di mana penulis memperlihatkan bahawa unsur alam seperti hujan berupaya bertindak sebagai agen penenang terhadap emosi yang bergolak. Hal ini bukan sahaja berasaskan pengalaman batin penulis, tetapi turut mencerminkan pandangan dalam psikologi kontemporari bahawa hubungan dengan alam boleh menjadi satu bentuk rawatan sendiri atau 'self-regulation'. Melalui simbolisme hujan, penulis menyampaikan mesej bahawa ketenangan dan kelegaan emosi boleh dicapai dengan cara mendekatkan diri kepada alam dan mensyukuri kehadirannya.

Unsur kesejahteraan emosi ini secara langsung berkait rapat dengan tahap kedua dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow (1970), yang meletakkan keperluan keselamatan selepas keperluan fisiologi. Maslow menjelaskan bahawa individu memerlukan rasa selamat dari sudut fizikal dan psikologi untuk membina asas kehidupan yang stabil. Sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi, seseorang individu akan mudah mengalami keresahan, ketakutan dan tekanan yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup secara menyeluruh. Dalam puisi ini, kesejukan dan ketenangan yang dibawa oleh hujan memberi makna bahawa persekitaran yang aman dan harmoni dapat memberikan rasa selamat yang mendalam, bukan sahaja kepada tubuh tetapi juga kepada jiwa manusia.

Di samping itu, mesej yang cuba disampaikan oleh penulis turut menyasarkan golongan remaja yang sedang berada dalam fasa kritikal pembentukan emosi dan identiti diri. Remaja, sebagai kelompok yang sering diuji dengan cabaran sosial, tekanan akademik dan perubahan hormon, mudah terdedah kepada gejala seperti kemurungan, kemarahan melampau atau hilang arah tuju. Dalam konteks ini, puisi ini berfungsi bukan sekadar sebagai luahan artistik, tetapi juga sebagai medium pendidikan emosi yang mendalam. Melalui simbol-simbol alam, pembaca remaja diajak untuk merenung, bersabar, dan mengawal emosi secara lebih tenang dan berhemah. Ketenangan yang ditawarkan oleh kehadiran hujan boleh dijadikan metafora kepada keperluan manusia untuk mencari ruang damai dalam diri, meskipun di tengah-tengah kesibukan atau kegawatan hidup.

Keseluruhan puisi ini menyemai nilai kesyukuran, pengawalan emosi, serta penghargaan terhadap alam, yang selari dengan prinsip-prinsip psikologi positif. Aplikasi prinsip ini dalam pengajaran sastera kepada remaja mampu memperkukuhkan pembangunan karakter, melatih mereka mengenal dan mengurus emosi serta memperolehi daya tahan psikologi dalam menghadapi cabaran kehidupan. Hal ini menyokong pendapat Geri Giebel Chavis (2011) yang menegaskan bahawa puisi dan ekspresi kreatif berperanan sebagai alat terapi yang berupaya menyentuh lapisan emosi terdalam manusia dan memberikan ruang penyembuhan semula jadi.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa puisi *Kuingin Berterima Kasih* membawa satu dimensi psikologi yang mendalam melalui unsur keperluan keselamatan emosi. Puisi ini bukan sahaja membina ruang refleksi dan kesedaran tentang pentingnya kestabilan jiwa, malah turut memberikan pendekatan alternatif dalam memahami peranan sastera sebagai alat pendidikan emosi yang efektif. Secara lahiriah, dunia moden yang penuh tekanan, karya sebegini harus diberi perhatian khusus dalam pendidikan sastera kerana ia bukan sahaja membentuk kepekaan estetik, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan psikologi generasi muda.



KESIMPULAN

Kajian yang menggabungkan bidang sastera dan psikologi membuka satu ruang wacana yang luas dan signifikan dalam memahami pengalaman manusia secara holistik. Sastera, sebagai cerminan kehidupan, bukan sahaja mengangkat isu-isu sosial dan budaya, tetapi juga berupaya menyelami dimensi dalaman manusia seperti emosi, motivasi, konflik jiwa dan pembentukan identiti. Hal ini dapat dilaksanakan melalui pendekatan psikologi dalam analisis sastera, pembaca bukan sahaja dapat menghayati keindahan estetika sesuatu teks, tetapi turut berpeluang mendekati lapisan psikologi watak dan naratif yang kadangkala tidak terucap secara langsung.

Integrasi antara dua bidang ini membolehkan pembaca memahami bagaimana sastera berfungsi sebagai medium untuk menyuarakan kegelisahan dalaman, trauma, tekanan sosial, serta proses pembinaan sendiri manusia. Kajian psikologi dalam sastera memperlihatkan bagaimana karya kreatif dapat menjadi saluran ekspresi terhadap isu-isu kompleks seperti kemurungan, kekeliruan identiti, ketakutan eksistensial, dan dinamika hubungan antara individu dan persekitaran. Melalui pendekatan ini, pembaca diajak untuk menelusuri pelbagai bentuk pengalaman manusia dengan lebih empati dan kefahaman yang mendalam.

Lebih menarik lagi, analisis psikologi terhadap karya-karya sastera seperti puisi *Kuingin Berterima Kasih* turut mendedahkan bagaimana unsur seperti keperluan fisiologi, keselamatan emosi, dan penghargaan terhadap kehidupan dapat diketengahkan secara simbolik dan reflektif. Kepekaan terhadap unsur-unsur psikologi ini memperkayakan interpretasi terhadap teks, menjadikan pembacaan sastera bukan sekadar aktiviti kognitif, tetapi juga pengalaman afektif dan terapeutik. Dalam konteks pendidikan, penerapan pendekatan ini dapat merangsang pelajar untuk memahami bahawa sastera bukan hanya berkisar tentang penceritaan atau bahasa yang indah, tetapi turut menyentuh aspek kehidupan yang sangat peribadi dan bermakna.

Kepentingan analisis psikologi dalam sastera juga sangat relevan dalam mendidik golongan remaja yang sedang berada dalam fasa pencarian jati diri dan kestabilan emosi. Karya-karya sastera KOMSAS yang dimuatkan dalam kurikulum pendidikan menengah Malaysia misalnya, banyak mengetengahkan isu-isu yang dekat dengan realiti kehidupan remaja, seperti tekanan rakan sebaya, dilema moral, pergolakan keluarga dan cabaran sosial. Melalui interaksi dengan teks-teks tersebut, para pelajar dapat menyalurkan emosi mereka, melihat pantulan diri dalam watak-watak yang dilukiskan, serta membina kecerdasan emosi dan daya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan harian.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pendekatan psikologi dalam kajian sastera bukan sahaja memperluaskan horizon tafsiran sesebuah karya, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan peribadi pembaca. Sastera yang dianalisis melalui lensa psikologi menjanjikan pengalaman pembacaan yang lebih menyentuh, menyembuhkan, dan mencerdaskan, sekali gus mengukuhkan peranan sastera sebagai instrumen pendidikan jiwa dan emosi. Maka, adalah penting bagi penyelidik, pendidik, dan penggubal kurikulum untuk terus mendorong



pendekatan interdisiplin ini dalam usaha memperkasa pemahaman sastera yang lebih mendalam dan menyeluruh dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda.

RUJUKAN

- Arba'ie Sujud, Lily Salwani Razali, & Nik Rafidah Nik Muhammad. (2011). *Fenomena sosial dalam cerita rakyat kanak-kanak. Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 151–188.
- Ee, A. M. (1993). *Psikologi perkembangan: Aplikasi dalam bilik darjah* (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Erikson, E.H(1968). *Identity: Yount anda crisis*. W.W. Norton.
- Chavis, G. G. (2011). *Poetry and story therapy: The healing power of creative expression*. Jessica Kingsley Publishers.
- Goleman. D (1995). *Emotional inteligence : Why it can matter more than IQ*. Bantam Books.
- Hashim Awang. (2019). *Pengantar sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Huitt, W. (2007). *Maslow's hierarchy of needs*. Educational Psychology Interactive.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Antologi Kuingin Berterima Kasih*. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Lazar, G. (2002). *Literature and language: Teaching, answer guide teachers and trainer*. Cambridge University Press.
- Maisarah Yaacob, & Maharam Mamat. (2014). *Tarbiah alam dalam novel KOMSAS. Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 25(1), 62–101.
- Maslow, A. H. (1968). *Toward a psychology of being* (2nd ed.). Van Nostrand Reinhold Company Inc.
- Maslow, A. H. (1970). *Motivation and personality* (2nd ed.). New York: Harper and Row Publishers.
- Maslow, A. H. (1971). *The farther reaches of human nature*. Viking.
- Maslow, A. H. (1943). *A theory of human motivation*. Psychological Review, 50 (4), 370–396. <https://doi.org/10.1037/h0054346>
- Matthew Arnold. (1994). *Matthew Arnold and nature*. Oxford University.
- Mohd Salleh Lebar. (1994). *Asas psikologi perkembangan: pengajian dan pendidikan*. Utusan Publications & Distributors.
- Nurhamizah Hashim. (2015). *Psikologi keperluan remaja dalam novel-novel remaja hadiah sastera Kumpulan Utusan (Hsku)*, Tesis Jabatan Kesusasteraan Melayu Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Noor Ain Ramli. (2018). *Pendidikan Sastera Melayu memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah A. Hamid. (2016). *Pendekatan Psikologi dalam kajian sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahba, M. A., & Bridwell, L. G. (1976). Maslow reconsidered: A review of research on the need hierarchy theory. *Organizational Behavior and Human Performance*, 15(2), 212–240.
- Wellek, R., & Wareen, A. (2014). *Theory Of litereture* (3rd ed). Penguin.
- Wilson, J. P., & Yarhouse, M. A. (2004). *Training manual for Christian counseling*. InterVarsity Press.



BIOGRAFI

Mashor Awang Long, PhD merupakan pensyarah kanan program Penulisan Kreatif, Akademi Seni dan Teknologi Kreatif Universiti Malaysia Sabah. Kelulusan Ijazah Sarjana Sastera (Seni Kreatif) dengan tajuk kajian *Jo ha Kyu : Analisis Watak dan Perwatakan dalam Ritual Palmanis masyarakat etnik Kagayan di Daerah Kudat Sabah*. Seterusnya beliau telah menyelesaikan pendidikan peringkat PHD dengan tajuk kajian *Analisis Unsur Didaktisme Dalam Puisi KOMSAS berasaskan Teori Keperluan Maslow*. Beliau juga aktif dalam penulisan jurnal yang melibatkan kajian puisi, sastera, persembahan dan ritual.

Asmiaty Amat, PhD merupakan seorang Profesor di Pusat Penjanaan Ilmu dan Pembelajaran Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Beliau bergraduasi dengan Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu dari UKM dan memperoleh ijazah doktor falsafah dalam Pengajian Melayu dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau terutamanya adalah dalam kritikan sastera terhadap karya sastera di Sabah dan Sarawak. Beliau juga terlibat dalam penyelidikan berkenaan adat dan budaya masyarakat peribumi termasuk cerita rakyat.

Sim Chee Cheang, PhD merupakan seorang Profesor Madya di Akademi Seni & Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah. Beliau memperoleh ijazah sarjana muda dari UM dalam bidang Kesusasteraan Inggeris dan ijazah sarjana dalam bidang Kesusasteraan Inggeris Malaysia. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian di Alam Tamadun Melayu (ATMA), UKM untuk menamatkan pengajian doktor falsafah dalam bidang Kesusasteraan Tionghoa Peranakan atau Sastera Melayu. Beliau banyak menerbitkan karya dalam bidang pembacaan kritis, penulisan dan pengajaran teks sastera, kesusasteraan pascakolonial dan cerita rakyat Sabah yang dibiayai oleh pelbagai geran penyelidikannya dalam bidang-bidang ini.

Fatin Najla Omar merupakan pensyarah program Penulisan Kreatif, Akademi Seni dan Teknologi Kreatif Universiti Malaysia Sabah. Kelulusan Sarjana Muda Sastera dalam bidang pengkhususan Penulis Novel Sabah dan sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang karya-E Sabah dari perspektif sastera digital.